

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT LANCAR KERJA PEMBERSIHAN PASCA BANJIR DI 11 LOKASI

MELAKA, 23 Disember 2021 – Syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah melancarkan kerja-kerja pembersihan pasca banjir di 11 kawasan di daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah yang terjejas bermula Selasa lalu (21 Disember 2021).

Antara kawasan yang terlibat dalam operasi ini ialah Taman Wira Indah, Pekan Lubok Cina, Taman Seri Bayu 2 dan Balai Polis Lubok Cina di dalam daerah Alor Gajah. Selibhnya termasuklah kawasan di Kampung Morten, Taman Melaka Baru, Taman Bukit Beruang Bistari, Taman Melawis, Taman Murai Jaya, Taman Angkasa Nuri dan Taman Merdeka Jaya dalam daerah Melaka Tengah.

Selain itu, SWM Environment turut menempatkan Tong Sampah Beroda (TSB) di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Durian Tunggal untuk memudahkan mangsa banjir yang berlindung di situ melupuskan sampah mereka bagi menjamin kebersihan kawasan PPS tersebut.

“Operasi bantuan pasca banjir yang dijalankan di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini mengutamakan kerja-kerja kutipan sisa pukal dan pembersihan longkang dengan kekuatan 62 orang kakitangan dan 16 aset milik syarikat iaitu tiga lori Roro 16 tan, lima jentera penyembur, lima lori Ultra Whack dan tiga jentolak. Kerja-kerja pembersihan ini perlu dilakukan dengan kadar segera bagi mengelakkan timbunan sampah sisa banjir yang boleh mendatangkan masalah lain seperti penyebaran penyakit dan pencemaran bau sekaligus dapat mengembalikan persekitaran yang lebih bersih dan selesa untuk penduduk yang terjejas” kata Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment.

Tambah beliau, operasi khas ini dijangka mengambil masa beberapa hari bagi memastikan sisa banjir dapat dibersihkan dengan sempurna untuk dihantar ke tapak pelupusan.

“Sehubungan itu, SWM Environment meminta kerjasama penduduk yang terjejas untuk mengumpulkan sisa banjir seperti perabot yang rosak di hadapan rumah atau di lokasi yang mudah dilalui oleh jentera kami,” katanya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 atau Talian WhatsApp SWM di 012-618 0082.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Noor Che Wah Ramli

Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn. Bhd.

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250 Melaka.

(Tel) : 06-3350191

(Faks) : 06-3350117

(Emel) : wah.ramli@swmsb.com